

FORMAT KARANGAN BERITA

Latihan 1 – Susun format penulisan karangan berita di bawah pada kedudukan yang betul.

Penutup	Tarikh	Isi berita 2	Tajuk
Tempat	Isi berita 3	Hari	Isi berita 1

Latihan 2 – Susun isi karangan berita pada ruangan yang betul.

Menurut laporan, kerugian dianggarkan sebanyak kira-kira dua ratus ribu ringgit termasuk jumlah barang dan rumah yang melibatkan 5 buah rumah berhampiran.
Kebakaran tersebut berlaku pada waktu petang sekitar jam 3.30 petang. Menurut saksi kejadian kebakaran berpunca daripada letupan gas di ruangan dapur pemilik rumah iaitu Haji Tarsat bin Mumin. Akibat daripada letupan yang disertai dengan angin kencang menyebabkan kebakaran merebak dengan pantas ke beberapa buah rumah berhampiran.
Pihak bomba juga menyarankan agar penghuni rumah akan sentiasa berhati-hati dan sentiasa memastikan dapur gas dalam keadaan yang selamat dan pastikan menutup api gas serta sentiasa memastikan tidak ada masakan yang ditinggalkan di ruang dapur tanpa pengawasan bagi mengelakkan terjadinya kejadian yang tidak diingini.
KAMPONG AYER, Isnin 28hb Januari 2013 – Satu kebakaran telah berlaku di Kampong Ayer.

Menurut saksi kejadian, api berjaya dipadamkan setelah pihak bomba tiba yang mana mengambil masa kira-kira dua jam untuk dipadamkan.

Dalam kejadian tersebut juga mengakibatkan beberapa orang penghuni rumah mengalami kecederaan ringan dan tiada mangsa yang terkorban.

Dalam kejadian tersebut, pihak bomba turut merakamkan ucapan penghargaan kepada penduduk yang turut sama menghulurkan bantuan dalam usaha memadamkan api kebakaran

[illegible]